



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

LJT 6 JLD. 9/(43)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

09
23
Disember 2020
Rabiulakhir 1442 H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan,

PEMBAHARUAN LESEN MENJALANKAN AMALAN SEBAGAI JURUUKUR TANAH BERLESEN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan, sepertimana dinyatakan di bawah peraturan 6(1), Bahagian II, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011, bahawa "Suatu permohonan untuk pembaharuan lesen amalan hendaklah dibuat kepada Lembaga menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga disertakan dengan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum habis tempoh lesen".

3. Dalam hubungan ini, sekiranya YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan tidak memperbaharui lesen amalan sebelum hari pertama bulan Februari dalam mana-mana tahun maka, nama YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan akan dikeluarkan daripada Daftar (Register). Perkara ini jelas dinyatakan di bawah Seksyen 8(6), Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) iaitu, *'The Secretary shall remove from the Register the name of any person, not being a Government surveyor, whose license to practise has not been renewed before the first day of February in any year'*.

4. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) memandang serius akan perkara ini kerana mana-mana Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang namanya telah dikeluarkan


daripada Daftar secara automatiknya akan hilang kelayakan untuk menikmati apa-apa faedah yang diperolehi sebagai Juruukur Tanah Berdaftar (RLS).

5. Justeru itu, LJT memohon agar YBhg. Datuk /Dato'/Tuan/Puan memperbaharui lesen amalan pada setiap tahun tanpa gagal bagi mengelakkan implikasi sepertimana dinyatakan di para 3 dan 4 di atas.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SRI ISMAIL BIN HARUN)

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Juruukur Tanah

Malaysia

s.k.: YBhg. Dato' Pengerusi LJT